

**LAMPIRAN 7**  
**SINAR HARIAN (NEGERI): MUKA SURAT 30**  
**TARIKH: 9 OGOS 2019 (JUMAAT)**

## **Pemimpin, penduduk sokong Lynas beroperasi**

KUANTAN - Penduduk di sekitar kilang memproses nadir bumi Lynas Malaysia Sdn Bhd menyokong sekiranya kerajaan membenarkan kilang itu terus beroperasi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah, Andansura Rabu berkata, masyarakat kini menerima bahawa Lynas berbeza berbanding apa yang didakwa sebelum ini.

"Sebelum ini ketika Lynas belum beroperasi, saya sendiri menentang cadangan untuk membina kilang itu. Kita dimokkan dengan kesan radiasi dan pelbagai lagi keburukan

terhadap penduduk.

"Kononnya pelaburan akan tergendala, harga hartanah akan merudum dan macam-macam lagi. Namun, tahun demi tahun saya mengikuti perkembangan Lynas sehingga tahun keempat saya dapati tiada apa perlu dikhuatirkan.

"Saya sedar saya mungkin salah dan buka hati untuk menerima fakta dan realiti itu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MPKK Kampung Sungai Ular, Shamshul Azlin Abdul Wahid berkata, Lynas sentiasa mengambil berat isu keselamatan dan

kepentingan penduduk.

"Kampung Sungai Ular terletak berhampiran Gebeng. Saya dapati banyak kilang lain yang wujud tetapi kenapa Lynas menjadi isu

"Lynas ada datang ke kampung beri penerangan dan ambil pandangan penduduk. Sehingga kini walaupun kilang ini dipolitikkan, pihak Lynas masih ambil berat isu keselamatan penduduk. Penduduk sekitar percaya Lynas dipolitikkan mungkin ada agenda lain," katanya.

Beliau berkata, operasi kilang memproses nadir bumi itu memberi perkembangan yang baik dari sudut sosial dan ekonomi penduduk setempat terutamanya dari sudut pekerjaan kepada anak muda tempatan.

Presiden Majlis Belia Pahang, Wan Emril Wan Embong pula berkata, dakwaan bahawa Lynas mendatangkan bahaya radiasi kepada penduduk adalah permainan persepsi politik, bukan berdasarkan fakta.

Kira-kira 1,500 jemaah menunaikan solat hajat anjuran Lynas di Masjid Negeri Sultan Ahmad Shah 1 di sini kelmarin.



Exco Hal Ehwal Agama Islam dan Kesihatan Pahang, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad (duduk, tengah) menghadiri program solat hajat di Masjid Negeri Sultan Ahmad Shah 1 malam kelmarin.